



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (K&P)
SETIAUSAHA AKHBAR**

25 JULAI 2019 (KHAMIS)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

25 JULAI 2019 (KHAMIS)

Barang rampasan RM188,664 dilupuskan

Mahkamah benar musnah 19 kes jenama tiruan termasuk kasut, alat ganti kereta

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor, melupuskan pelbagai barang rampasan jenama tiruan berjumlah RM188,664 membabitkan 19 kes, semalam.

Pengarahnya, Muhamad Zikril Azan Abdullah, berkata pelupusan

itu adalah kali ketujuh dan semua kes yang terbabit sudah selesai menjalani proses mahkamah, serta mendapat kebenaran untuk dilupuskan daripada mahkamah.

"Antara barang jenama tiruan yang dilupuskan kali ini adalah beg tangan, dompet, kasut, alat ganti kenderaan, jam tangan, jersi, produk kesihatan dan lain-lain barang."

"Semua yang dilupuskan adalah



Muhamad Zikril (tengah) menunjukkan barang rampasan selepas proses pelupusan di Stor Ekshibit KPDNHEP Selangor, Shah Alam, semalam.

(Foto Roslin Mat Tahir/BH)

kes rampasan barangan membaikti pelanggaran Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta Perihal Daganan 2011, Akta Hak Cipta 1987, Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan Akta Jualan Langsung serta Skim Anti Piramid 1993," katanya.

Beliau berkata demikian selepas proses pelupusan ekshibit di Stor Ekshibit KPDNHEP Selangor, di sini, semalam.

Beliau berkata, secara keseluru-

han bermula Januari hingga Julai ini, KPDNHEP melupuskan pelbagai barang jenama tiruan bernilai RM1.29 juta membabitkan 107 kes.

Katanya, kerja pelupusan akan dilakukan mengikut nilai serta barang rampasan yang ada.

"Memandangkan jumlah barang rampasan serta nilainya tinggi di Selangor, maka pelupusan dilakukan sebulan sekali atau dua bulan sekali.

"KPDNHEP juga ingin memberi

amaran kepada mana-mana peniaga, agar tidak terbabit menjual barang jenama tiruan manakala pengguna pula dinasihatkan untuk tidak membeli barang tiruan kerana selain tidak berkualiti, ia juga sebagai inisiatif melindungi harta intelek pemilik cap dagang.

"Kita juga sering bekerjasama dengan pemilik cap dagang untuk mendapatkan maklumat, sebelum melakukan operasi barang jenama," katanya.



Lupus barang tiruan RM1.297j

MUHAMAD Zikril Azan (dua dari kanan) bersama pegawaiannya menunjukkan barang tiruan yang dirampas.

Shah Alam: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor melupuskan pelbagai barang tiruan bernilai RM1.297 juta membabitkan 107 kes yang selesai dijatuhi hukuman.

Jumlah berkenaan direkodkan bermula Januari hingga Julai tahun ini dan ia akan bertambah mengikut siri pelupusan setiap bulan.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhammad Zikril Azan Abdullah berkata, antara yang dilupuskan ialah beg tangan wanita pelbagai jenama, pakaian, jam tangan, alat ganti kendaraan serta produk ke-

sihatan.

"Siri ketujuh pelupusan hari ini (semalam) membabitkan barang tiruan bernilai RM188,664 daripada 19 kes.

"Semua kes ini sudah selesai menjalani proses di mahkamah dan mendapat kebenaran untuk dilupuskan daripada mahkamah atau pengawal akta berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media di Stor Penyimpanan Ekshibit KPDNHEP Selangor, di sini, semalam.

Muhammad Zikril Azan berkata, semua barang tiruan terbabit adalah kes rampasan yang membabitkan pelanggaran Akta

Kawalan Bekalan 1961; Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Hak Cipta 1987, Akta Perlindungan Pengguna 1999 serta Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993.

"Modus operandi pemasaran barang tiruan ini pelbagai, antaranya menerusi dalam talian atau di premis terbuka dan ia dijual pada harga lebih rendah daripada barang tulen.

"Sehubungan itu, KPDNHEP memberi amaran kepada mana-mana peniaga supaya tidak terbabit menjual barang tiruan bagi mengelakkan tindakan tegas dikenakan," katanya.

Lupus barang tiruan RM1.297j

Hasil rampasan KPDNHEP Selangor sepanjang 7 bulan tahun ini

MUHAMMAD AFHAM RAMLI

SHAH ALAM

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor melupuskan pelbagai barang tiruan bernilai RM1.297 juta sepanjang tujuh bulan pertama tahun ini.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhamad Zikril Azan Ab-

dullah berkata, kesemua barang yang dilupuskan adalah membabitkan 107 kes rampasan barang yang melibatkan pelanggaran Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Hak Cipta 1987, Akta Perlindungan Pengguna 1999 serta Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993.

"Hari ini (semalam) merupakan pelupusan kali ketujuh pada tahun ini melibatkan 19 kes bernilai RM188,664.

"Kesemua kes terbabit sudah selesai menjalani proses mahkamah dan mendapat kebenaran pelupusan daripada mahkamah atau pengawal akta yang berkenaan," katanya pada sidang akhbar di Stor Simpanan Ekhibit Bukit Raja semalam.



Muhamad Zikril (dua, kanan) menunjukkan barang yang dirampas dan akan dilupuskan di Stor Simpanan Ekhibit Bukit Raja semalam.

Tambahnya, antara barang yang dilupuskan adalah beg tangan, dompet, selipar, jam tangan, jersi, produk kesihatan

serta alat ganti kenderaan.

Dalam pada itu, Muhamad Zikril berkata, modus operandi peniaga ialah dengan memasar-

kan barang tersebut menggunakan medium online selain berselindung di sebalik jualan barang original.

"Kita percaya barang-barang ini dibawa masuk dari negara seperti China dan Thailand. KPDNHEP akan terus bekerjasama dengan pernik cap dagang untuk terus memantau dan mengesan kegiatan terbabit," katanya.

Justeru, KPDNHEP mengingatkan kepada mana-mana peniaga untuk tidak terlibat menjual barang tiruan bagi mengelak tindakan tegas dikenakan. Pengguna juga dinasihatkan untuk tidak membeli barang tersebut sebagai inisiatif melindungi harta intelek pemilik asal cap dagang.

Cari penyelesaian, bukan salahkan pihak lain



Sepanjang beberapa minggu ini, tersebar di media sosial mengenai penyebaran video pelajar dan remaja menggunakan peralatan vape dalam bentuk pen dan jam.

Terbaru, masyarakat dikejutkan pula dengan penjualan gula-gula dikenali *Ghost Smoke*. Serbuk gula-gula itu akan mengeluarkan asap seakan-akan rokok apabila disedut.

Perkara ini membimbangkan banyak pihak terutama ibu bapa dan guru, kerana perkauan berkenaan dilihat sebagai berisiko mengundang permulaan kepada permasalahan penagihan dadah.

Kerajaan juga dengan segera mengambil berat isu berkenaan dan terbaru, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, mengarahkan penjualan *Ghost Smoke* dihentikan serta-merta.

Kementerian Pendidikan (KPM) juga memandang serius isu jualan bahan terlarang seperti rokok elektronik dan vape kepada pelajar.

Kerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNEHP) digerakkan bagi membanteras penjualan barang berkenaan kepada pelajar sekolah.

Kementerian Kesihatan juga menyatakan komitmen memulakan siasatan dan penguatkuasaan berhubung penjualan *Ghost Smoke* di seluruh negara dan Bah-

gian Kualiti dan Keselamatan Makanan di bawah kementerian itu sedang menyiasat perkara berkenaan secara menyeluruh, juga melalui bekerjasama dengan KPDNEHP.

Tindakan tegas kerajaan harus dipuji dan diharap akan ada penyelesaian dalam isu berkenaan supaya ia tidak menjadi budaya baharu yang boleh menyebabkan anak kita terjebak dengan aktiviti penagihan dadah.

Memetik kata-kata Dr Wan Azizah, gula-gula *Ghost Smoke* boleh menjadi permulaan kepada masalah penagihan dadah.

"Dulu smoking (merokok), kemudian dadah dan syabu," katanya.

Ibu ini bukan hanya perlukan tindakan di pihak kerajaan dan penguatkuasaan semata-mata, sebaliknya perlu ditangani dari rumah dan sekolah.

Ibu bapa pula jangan menyerahkan bulat-bulat usaha membendung perkara ini kepada kerajaan dan sekolah.

Memandangkan anak di bawah tanggungjawab ibu bapa, semestinya tugas untuk memastikan budaya 'baharu' yang tersebar melalui media sosial ini tidak terus menular, maka ia perlu ditangani terlebih dahulu di rumah.

Selain pemantauan pergerakan anak di rumah dan luar kedian, ibu bapa sendiri perlu sentiasa pantau bahan media sosial diperoleh anak melalui Instagram, Facebook dan Twitter juga dipantau.

Pengaruh media sosial sangat rapat dengan anak zaman ini yang mana segala maklumat boleh diperoleh di hujung jari.

Naluri kanak-kanak dan remaja yang sentiasa ingin tahu mendo-



Kementerian Pendidikan mengarahkan penjualan *Ghost Smoke* dihentikan serta-merta.

[Foto Hiasan]

rong mereka mencuba aksi dipaparkan dalam media sosial ini.

Mahu atau tidak, sukar macam mana pun inilah tanggungjawab yang wajar diambil ibu bapa zanman ini yang sememangnya mengalami pengalaman baharu yang jauh berbeza ketika zaman mereka bapa dibesarkan dahulu.

Pandangan dilontarkan dalam media sosial banyak menyatakan ibu bapa sebagai punca isu vape dan pengambilan gula-gula *Ghost Smoke* berleluasa.

Ada menyatakan ibu bapa perlu dipersalakan kerana memberikan banyak wang sakuk kepada anak sehingga mampu membeli peralatan menghisap vape. Ada juga menyatakan ibu bapa yang terlalu 'murah hati' melayan kanak-kanak kecil membeli gula-gula dan sistem sedia ada.

Ia mengenal perubahan sosial dan peredaran zaman serta kesan

ada yang berpandangan vape patut diharamkan seperti diputuskan Majlis Fatwa Kebangsaan pada 2015 yang menetapkan hukum penggunaan rokok elektronik dan vape sebagai haram.

Bagi peniaga, mungkin tiada niat mereka menggalakkan kanak-kanak terbabit dengan ketagihan rokok dan dadah kerana kepentingan menjalankan tanggungjawab masing-masing.

Di satu sudut lain, penjualan produk seperti vape dalam bentuk pen dan jam mudah diperoleh melalui pembelian dalam talian.

Apa yang pasti, memang mudah melontarkan pandangan. Namun dalam isu ini, agenda utama bukan menyatakan mana-mana pihak dan sistem sedia ada.

Bagi pihak berkusa tindakan berdasarkan undang-undang yang tergubal perlu diambil, manakala peniaga wajib untuk mengikut peraturan ditetapkan.

penggunaan teknologi dalam kehidupan manusia sama ada dari sisi positif dan negatif.

Justeru, tumpuan kini harus diberikan kepada cara isu berkenaan dapat diatasi dan pihak berkepentingan menjalankan tanggungjawab masing-masing.

Di pihak ibu bapa tumpuan kepada tanggungjawab penjagaan dan pemantauan gerak gerik anak, sekolah pula memberikan pendidikan dan kesedaran serta nasihat.

Bagi pihak berkusa tindakan berdasarkan undang-undang yang tergubal perlu diambil, manakala peniaga wajib untuk mengikut peraturan ditetapkan.

Penulis adalah wartawan Meja Am Berita Harian